



**TEKS UCAPAN  
MAJLIS PERASMIAN HARI KUALITI RISDA  
NEGERI KEDAH TAHUN 2009**

**OLEH  
YANG BERBAHAGIA DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN,  
KETUA PENGARAH RISDA**

TEMPAT: HOTEL AWANA PORTO MALAI, LANGKAWI, KEDAH  
TARIKH : 16 NOVEMBER 2009 (ISNIN)  
MASA : 8.00 MALAM

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis.

Yang Dihormati Tuan Haji Azmi bin Mohamad,  
Pengarah RISDA Negeri Kedah

Pengarah-Pengarah Bahagian

Tn Hj. Adnan bin Din  
Timbalan Pengarah RISDA Negeri Kedah

Pegawai-Pegawai RISDA Daerah

Para Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2008  
dan Anugerah Kualiti RISDA Negeri Kedah 2009,

Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan warga kerja RISDA yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

1. Marilah kita memanjatkan sepenuh rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T., di atas dilimpah izin dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul di Langkawi ini bagi menjayakan majlis yang penuh ceria lagi bermakna ini.

3

Saya terlebih dahulu merakamkan ucapan terima kasih kepada Pengurusan RISDA Negeri Kedah khususnya kepada Tn Hj Azmi bin Mohamad, Pengarah RISDA Negeri yang telah sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis ini.

Langkawi sering dirujuk sebagai antara pulau yang tercantik dan terindah di negara kita dan menjadi sebutan seluruh dunia. Dan pastilah ada signifikannya apabila Majlis Hari Kualiti Negeri Kedah berlangsung di pulau lagenda ini jika kecantikan dan keindahannya dikaitkan dengan kualiti.

4

2. Sempena Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri pada 2 November 2009 lalu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan mengenai perubahan nama majlis Hari Kualiti yang akan dikenali sebagai Hari Inovasi dan Kualiti mulai tahun hadapan. Langkah ini adalah merupakan antara usaha proaktif Kerajaan dalam memberikan nilai tambah kepada kakitangan awam supaya lebih proaktif dalam melakukan inovasi ke arah penambahbaikan tugas dan produktiviti. Saya juga telah menyarankan supaya inovasi dibudayakan sepanjang tahun dan satu Skim Insentif diwujudkan dan semua inovasi walau sekecil mana pun akan

5

di beri pengiktirafan bukan sahaja pada Hari Kualiti tetapi di Majlis-majlis seperti perhimpunan bulanan, seminar dan sebagainya. Dengan ini saya menyeru semua warga RISDA Kedah untuk mengambil peluang ini untuk melaksanakan inovasi dalam sebarang tugas harian yang dilaksanakan sama ada dari segi penjimatan kos, memudahkan prosedur atau kepuasan hati pelanggan kita. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua warga RISDA yang telah menyertai pertandingan inovasi pada tahun ini.

6

3. Seperti yang diketahui, bahawa Majlis Hari Inovasi dan Anugerah Kualiti RISDA 2009 baru sahaja berlangsung, di mana kita merupakan antara agensi terawal yang memulakan langkah memantapkan sambutan hari kualiti dengan penggabungan aspek inovasi seperti yang dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri itu.
  
4. Kita semua sedar bahawa Kerajaan sentiasa menitikberatkan soal peningkatan kualiti, produktiviti dan inovasi yang turut menjadi teras utama dalam konteks piawaian Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA),

7

Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA), Bidang Keberhasilan Utama RISDA (RKRA) dan juga Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Jika diteliti, penekanannya begitu dititikberatkan mutakhir ini terutama dalam memastikan ekonomi negara terus dapat dipacu dengan jayanya. Ke arah itu juga, kita perlu menyatukan seluruh dayafikir dan usaha kita dalam memastikan aspek perkhidmatan selari dengan apa yang digagaskan oleh Kerajaan. Pernyataan Dasar Kualiti RISDA yang terkandung dalam Pensijilan ISO 9001 : 2008 menyebut bahawa **RISDA komited untuk memberikan perkhidmatan mengurus bantuan Program**

8

**Tanam Semula dengan cekap dan berkesan bagi memenuhi kehendak pekebun kecil,** adalah merupakan satu akujanji penting untuk dilaksanakan oleh seluruh warga kerja RISDA.

5. Hasrat dan pernyataan ini pastinya bagi mewujudkan rasa pertanggungjawaban dan komitmen di kalangan seluruh staf di semua Pusat Tanggungjawab (PT) ke arah meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan memenuhi kepuasan pelanggan bagi mengelakkan sebarang konotasi (tanggapan) negatif.

9

6. Kepuasan pelanggan adalah tanda aras utama kepada kejayaan RISDA. Sehubungan dengan ini, saya ingin mengingatkan semua warga RISDA di pelbagai peringkat tentang perlunya bersikap prihatin terhadap pelanggan kita iaitu pekebun kecil yang datang berurusan di pejabat masing-masing. Antara langkah-langkah yang boleh dilaksanakan ialah memastikan urusan pekebun kecil dapat diselesaikan dengan segera bagi mengelakkan mereka datang berulang kali ke pejabat. Sebaiknya, semua urusan dapat diselesaikan dengan hanya 1 kali kehadiran di kaunter pejabat-pejabat RISDA.

7. Hari ini saya merasa amat seronok dan berbesar hati dapat bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan bagi meraikan kejayaan yang diraih di mana saya menganggapnya sebagai antara penyumbang penting dalam memastikan kelancaran dan kejayaan setiap program-program untuk pekebun kecil yang menjadi kumpulan sasaran utama kita.
  
8. Malam ini saya juga merasa begitu berbangga kerana Koir RISDA Negeri Kedah menjadi negeri pertama yang mempersembahkan lagu korporat kita iaitu '**RISDA Peneraju**' yang baru saja dilancarkan oleh Pengerusi RISDA

11

sempena Majlis Hari Inovasi dan Anugerah Kualiti 2009 lalu. Lagu Korporat ini adalah merupakan salah satu usaha kita untuk meningkatkan dan menyuntik komitmen dan kesedaran terhadap rasa tanggungjawab yang dipikul oleh kita semua demi memastikan semangat perkhidmatan kita dan kumpulan sasaran memperoleh kesejahteraan sepertimana yang sewajarnya.

9. Adalah penting kita merenung kembali peranan kita dalam memastikan hasrat serta harapan Kerajaan untuk membela nasib rakyat dapat terus dilaksanakan dengan jayanya. Ke

12

arah itu, setiap daripada kita perlu berusaha gigih dan meningkatkan iltizam diri bagi menyahut dan melaksanakan setiap tugas yang dipertanggungjawabkan. Saya berharap agar kita semua dapat menghayati lirik lagu tersebut supaya setiap apa yang dilakukan berupaya memantapkan lagi perkhidmatan kita demi agama, bangsa, dan negara tercinta.

10. Kita amat bersyukur kerana terlalu banyak sebenarnya insentif yang telah diberikan oleh Kerajaan untuk menambahbaik institusi perkhidmatan awam di negara ini. Yang terbaru ialah pengumuman pengenalan sistem

ganjaran baru bagi memperkasa budaya prestasi cemerlang di kalangan penjawat awam. Ianya dilihat sebagai satu lagi episod baharu kepada kita penjawat awam yang akan menjadi pemangkin kepada budaya kerja yang lebih berkualiti dan berprestasi tinggi. Langkah ini juga adalah susulan daripada pengumuman Bajet 2010 yang meliputi pemberian imbuhan RM 500 yang dipanjangkan kepada kumpulan pengurusan dan profesional yang sebelumnya diterima oleh kakitangan sokongan, di samping insentif-insentif lain terdahulu seperti pemberian elaun COLA, bonus serta semakan gaji.

11. Pada kesempatan ini juga saya ingin menyeru supaya seluruh warga kerja kita terutama yang bersangkutan dengan kewangan atau projek agar sentiasa berhati-hati dan mematuhi kod etika perkhidmatan awam yang meliputi aspek integriti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab seharian. Sebarang kesilapan akan dinilai dan dirumus oleh kumpulan sasar samada wujud penyelewengan atau tidak. Begitu juga kepada mereka-mereka yang berada di garis hadapan termasuk petugas perkhidmatan kaunter yang menjadi pintu masuk utama organisasi RISDA. Kita perlu menitikberatkan soal sifar kesilapan agar setiap pelanggan

15

yang berurusan mendapat kepuasan sepertimana yang digariskan dalam Piagam Pelanggan kita.

12. Kesungguhan Kerajaan dalam memastikan tadbir urus terus berada pada tahap tertinggi melalui pengumuman penggubalan *Whistle Blower Act* (Akta Penggerak Etika) pada 2010 adalah bertujuan untuk menggalakkan pemberi maklumat tampil membuat pendedahan jenayah rasuah dan salah laku. Justeru, mesej yang konsisten yang harus diperjelaskan kepada orang ramai, ialah bahawa Perkhidmatan RISDA amat mementingkan aspek kualiti

16



peribadi dan tidak akan bertolak ansur berhubung aspek integriti, iaitu zero-tolerance bagi yang tiada integriti. Dan ini perlulah diberikan perhatian utama oleh setiap daripada kita.

13. Saya berdoa supaya kita sentiasa dilindungi daripada melakukan sebarang kesilapan yang boleh membawa konotasi buruk masyarakat kepada organisasi kita ini. Ingatlah bahawa sifat amanah adalah sangat penting dalam kehidupan manusia yang menjadi penentu kepada masa hadapan sesebuah masyarakat.

17

Allah berfirman dalam surah Al-Anfal ayat 27 :

**“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati amanah Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui salahnya”.**

Nabi Muhammad SAW juga pernah bersabda seperti yang diriwayatkan oleh Ahmad :

18

**“Tidak sempurna iman bagi orang tidak beriman dan tidak sempurna agama bagi orang-orang yang tidak menepati janji”.**

14. Saya juga merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada seluruh warga kerja yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Kualiti 2008 dan juga penerima Anugerah Khidmat Lama pada hari ini, dan berharap semoga kejayaan ini akan menjadi inspirasi kepada yang lain untuk berusaha dengan lebih gigih lagi dalam menggapai kejayaan pada masa-masa hadapan.

19

15. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Tn Hj. Azmi bin Mohamad, Pengarah RISDA Negeri Kedah kerana menjemput saya pada malam ini. Saya penuh yakin dan percaya bahawa budaya kerja berkualiti dan berinovasi akan terus bersemarak dan diamalkan dengan baik di RISDA Kedah bersandarkan komitmen dan iltizam yang tinggi yang telah ditunjukkan selama ini. Saya amat berharap Tuan-tuan dan Puan-puan akan terus meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja untuk memantapkan lagi RISDA untuk menjadi sebuah organisasi yang unggul dan disegani.

20

**Dengan kata-kata itu dan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim',  
saya dengan penuh sukacitanya merasmikan Hari Kualiti  
RISDA Negeri Kedah Tahun 2009.**

**Sekian. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**